

SULIT

2

1103/1

**Bahagian A**

**(30 markah)**

*(Masa disediakan : 45 minit)*

*Lihat gambar di bawah dengan teliti. Huraikan pendapat anda tentang cadangan-cadangan untuk meningkatkan mutu perkhidmatan pengangkutan awam di negara ini. Panjangnya huraian hendaklah antara 100 hingga 250 patah perkataan.*

**KEMUDAHAN PENGANGKUTAN AWAM YANG TERDAPAT DI MALAYSIA**



1103/2 © 2009 PRPSM Cawangan Negeri Sembilan

SULIT

SULIT

3

1103/1

**Bahagian B**

[100 markah]

*(Masa disediakan : 1 jam 30 minit)*

Pilih satu daripada soalan di bawah dan tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 350 patah perkataan.

- 1 Belakangan ini, gejala huli dan smseng yang melibatkan golongan remaja semakin membimbangkan.  
Bincangkan faktor-faktor yang menyebabkan gejala ini semakin berleluasa.
- 2 Ibu bapa memainkan peranan penting dalam memupuk amalan berjimat-cermat dalam diri anak-anak.  
Huraikan langkah-langkah yang perlu diambil oleh ibu bapa dalam memupuk amalan ini.
- 3 Sempena sambutan Bulan Patriotisme, Persatuan Sejarah sekolah anda telah mengadakan pertandingan syarahan. Tajuk syarahan itu ialah 'Kepentingan Menjaga dan Memelihara Bangunan Bersejarah.' Anda berminat untuk menyertai pertandingan tersebut.  
Sediakan teks syarahan anda selengkapnya.
- 4 Sektor pelancongan memberi sumbangan yang besar kepada perkembangan ekonomi negara. Namun, kegawatan ekonomi global telah menyebabkan sektor ini terjejas.  
Sarankan usaha-usaha yang boleh dilakukan untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan pelancong asing.
- 5 Mutakhir ini, golongan remaja tidak berminat membaca dan menghayati karya sastra.  
Jelaskan punca-punca berlakunya keadaan ini.

**KERTAS SOALAN TAMAT**

1103/2 © 2009 PICPSM Cawangan Negeri Sembilan

SULIT

SULIT

1103/2  
Bahasa  
Melayu  
Kertas 2  
Percubaan SPM  
Ogos  
2009  
2 ½ jam



PERSIDANGAN KEBANGSAAN PENGETUA-PENGETUA  
SEKOLAH MENENGAH MALAYSIA  
CAWANGAN NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS

PEPERIKSAAN PERCUBAAN BERSAMA  
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2009

---

BAHASA MELAYU

Kertas 2

Dua jam tiga puluh minit

---

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Jawapan bagi Soalan 2 (b), Soalan 2 (c), Soalan 2 (d) dan Soalan 4 berdasarkan teks Komponen Kesusasteraan Melayu Tingkatan 4 dan Tingkatan 5.*
4. *Jawapan boleh ditulis dalam tulisan Rumi atau Jawi.*

---

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak

**Soalan 1: Rumusan**

[30 markah]

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian buat satu rumusan tentang musibah pemanasan global terhadap alam dan punca-punca berlaku pemanasan global. Panjangnya rumusan hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.

Pada 19 Disember tahun lalu, seluruh penduduk Kampung Kelantan, Kota Tinggi, Johor, tergamam. Rumah mereka hanyut dibawa oleh arus banjir yang mengalir deras. Tiada apa-apa yang dapat diselamatkan kerana air naik terlalu cepat. Mereka tinggal sehelai sepinggang.

Di Antartika pula, sebuah kawasan bongkah ais dikenali sebagai *Larsen Iceshelf* mula mencair akibat cuaca yang tidak menentu. Jika keadaan ini berterusan, paras air laut dikatakan boleh meningkat sehingga enam puluh meter. Keadaan ini mampu menenggelamkan Kuala Lumpur yang hanya berketinggian 46 meter dari paras laut.

Terik panas matahari di negara ini sekarang tidak seperti dahulu. Panasnya bukan setakat membahang tetapi lebih daripada itu. Akibatnya kerap kali pada musim kemarau, kerajaan terpaksa melakukan catuan air. Hal ini turut berpunca daripada penurunan mendadak aras air di beberapa empangan takungan air.

Semua ini natijah yang diterima jika *sindrom pemanasan global* terhadap alam sekitar secara berterusan tidak diambil berat. Keadaan panas semula jadi penting kerana tanpanya, bumi menjadi 30 darjah celcius lebih sejuk daripada keadaan normal. Suhu cuaca panas juga turut menyebabkan ais di kutub mencair. Selain itu, banyak daratan ditenggelami air sehingga berlakunya banjir besar, manakala kawasan tertentu dilanda kemarau panjang.

Benua Afrika dilaporkan menerima kehadiran salji pada tahun lalu, iaitu kali pertama sejak 25 tahun. Pada masa yang sama, di Paris, Perancis, 29 orang mati akibat panas melampau pada Julai tahun lalu. Namun, tahun 2004 dan 2005, dinyatakan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu sebagai tahun paling panas sejak pencatatan suhu bumi bermula pada tahun 1861.

Penyakit yang sering menyerang warga emas disebabkan pemanasan global ialah katarak mata dan kanser kulit. Malah perubahan cuaca yang ekstrim ini, turut menyebabkan pertambahan kes penyakit yang berkaitan dengan vektor seperti malaria dan denggi. Sama ada kita sedar atau tidak, perubahan cuaca secara mendadak dalam tempoh yang tidak menentu merupakan risiko yang perlu kita hadapi daripada fenomena tersebut. Pada masa yang sama, sesetengah kawasan telah dilanda kejadian gelombang panas, diikuti oleh ribut taufan dan puting beliung. Hal ini telah menimbulkan implikasi yang maha dahsyat.

SULIT

3

1103/2

Mahatma Ghandi pernah berkata, "Kita bukan mewarisi alam ini daripada datuk nenek kita tetapi kita meminjamnya daripada anak cucu kita."

(Dipetik dan diubahsuaikan daripada 'Pemanasan Global. Berakhirnya Bumi?' oleh Zurin M. Zain, *Dewan Masyarakat* Julai 2007)

**Soalan 2 : Pemahaman**

**[ 35 markah ]**

**Soalan 2 (a) – Petikan Umum**

*Berdasarkan petikan Soalan 1, jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

- (i) Berikan maksud rangkai kata *sindrom pemanasan global*. [2 markah]
- (ii) Apakah kesan pemanasan global terhadap kesihatan manusia? [3 markah]
- (iii) Pada pandangan anda, jelaskan punca-punca manusia tidak peka terhadap pemanasan global. [4 markah]

SULIT

4

1103/2

**Soalan 2 (b) – Petikan Drama**

Baca petikan drama di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

- SAFIAH : *(Diam sebentar, meneliti wajah Umar yang masih berpaling darinya)*  
Jadi, you tetap jua nak ambil diploma education?
- UMAR : *(Tak menjawab. Kemudian tiba-tiba meletakkan majalah dan menghadap penuh pada Safiah)* I ingat apa yang you sebutkan tadi. You kata di luar negeri boleh berkhidmat kepada bangsa.
- SAFIAH : *(Penuh harapan)* Ya, you boleh membangun bangsa dari luar negeri, kan?
- UMAR : *(Tegas dan yakin)* Tidak! Pembangunan kita sekarang harus di negeri kita sendiri. Kita membangun negeri kita dari tanah kita sendiri, bukan dari luar negeri.
- SAFIAH : *(Memohon)* Tapi, Mar, inilah peluang kita ke luar negeri! *(Umar tidak menjawab, mukanya beku. Safiah terdiam seketika, kemudian mencuba lagi)*  
Bagaimana kalau you dihantar mengajar di tempat-tempat yang jauh dari ibu kota ini?
- UMAR : *(Tegas)* Apa salahnya? Semakin jauh dari ibu kota semakin baik. Semakin dekat dengan kampung semakin I suka.
- SAFIAH : *(Memandang muka Umar dengan terkejut dan tak percaya)* Jadi, you suka balik ke kampung?
- UMAR : *(Perlahan tapi penuh keyakinan)* You tahu Piah, kalau pun I masuk MCS, I akan meminta bekerja di tempat-tempat yang dekat dengan kampung.  
*(Meneliti wajah Safiah)* Apa salahnya balik ke kampung? Dan berapa orang mahasiswa yang suka ke kampung? Berapa orang?
- SAFIAH : *(Tegas dan keras)* I setuju kalau mahasiswa-mahasiswa yang keluar dari universiti duduk di kota-kota. Apa yang boleh dibuat di kampung?
- UMAR : *(Perlahan tapi tegas)* Untuk mengubah hutan menjadi baru. Mengubah daerah belukar menjadi pekan.

(Dipetik daripada 'Serunai Malan,'  
oleh Usman Awang dalam antologi *Anak Laut*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Apakah punca perselisihan pendapat antara Umar dengan Safiah? [2 markah]
- (ii) Sekiranya anda mahasiswa, nyatakan usaha-usaha yang dapat anda lakukan untuk memajukan penduduk desa? [3 markah]
- (iii) Jelaskan satu perwatakan Umar daripada petikan dan satu perwatakan lain daripada keseluruhan drama. [4 markah]

## Soalan 2(c) – Petikan Prosa Klasik

Baca petikan prosa klasik di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

Maka kata Saidah dengan tangisnya, “sebab pun hamba demikian ini daripada tiada hamba mahu memalingkan muka hamba daripada tuan hamba, yang niat hamba kepada Allah *subhanahu wataala* kepada siang dan malam hendak mati di bawah kadam tuan hamba juga. Daripada sangat belas hati hamba, maka hamba katakan rahsia ini kepada tuan hamba. Inilah hal saudara tuan hamba yang diharap itu, *hamba dapati afalnya* itu selama ia diam pada kita di sini. Maka hari pun malam sudah, maka pada ketika awal dinihari tuan hamba pun tatkala tidur tiada sedarkan diri, tatkala itu hamba sakit perut hendak qada hajat, maka hamba pun pergi pada tempat buang air seni itu. Setelah sudah hamba buang air seni, maka hamba pun keluar hendak kembali. Maka dipegang oleh Sabor tangan hamba. Maka hamba pun hendak berteriak, maka dihunusnya jambiahnya hendak menikam; daripada hamba takutkan mati, maka hamba pun diamlah. Maka hendak dicabulinya hamba, maka hamba pun tiada mahu pula, daripada hamba takut akan Allah taala dan takut akan tuan hamba, malulah hamba, baiklah hamba mati dibunuhnya sekalipun, kabullah hamba, daripada derhaka akan tuan hamba.”

Setelah Jibor mendengar kata isterinya, maka ia pun marah seperti api bernyalanya. Maka Jibor pun fikir seketika, kerana Jibor itu sangat berakal. Maka Jibor pun memeluk dan mencium isterinya serta dipujuknya dengan kata yang manis-manis, katanya, “Sabarlah dahulu, rahsia ini janganlah tuan hamba katakan pada seorang jua pun; kerana hamba sangat malu, sebab saudara hamba berbuat khianat akan hamba ini, bukan orang lain; haraplah tuan hamba pada hari ini juga ia mati, hamba bunuhkan dengan sesuatu muslihat hamba, supaya kita tiada peroleh malu.”

(Dipetik daripada  
‘Sabor’  
dalam antologi *Kerusi*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka)

- (i) Berikan maksud rangkai kata *hamba dapati afalnya*? [2 markah]
- (ii) Nyatakan **tiga** fitnah yang disampaikan oleh Saidah kepada Jibor tentang Sabor. [3 markah]
- (iii) Pada pendapat anda, mengapakah perbuatan memfitnah dipandang hina oleh masyarakat? [3 markah]

[Lihat sebelah  
SULIT

**Soalan 2(d) – Petikan Puisi**

Baca sajak di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya dengan menggunakan ayat anda sendiri.

**JALAN-JALAN RAYA KOTAKU**

Saban waktu sepanjang perjalanan  
jalan-jalan raya kotaku  
lewat senja begini  
tika gerimis menabur benih  
menerima kehadiran warga kota  
lemas dalam kesabaran  
lelah meresahkan  
dengan luka parah di hati.

Ketidaksabaran membengkak  
kesombongan merajai setiap ruang  
semakin padat dengan emosi  
kebosanan menggigit pangkal rasa.

Demikianlah etika di perjalanan  
budi luhur warga kotaku  
tidak lagi berlaku  
yang hadir adalah keserakahan  
memacu menghimpun kekuatan  
menghakis sopan santun  
seperti banjir kilat  
melanda pinggir perjalanan  
fitrah sang manusia  
peradaban kota masa kini.

Jalan-jalan raya kotaku  
adalah gelanggang kebuasan  
perlumbaan kebiadaban  
para pesakit  
*kemanusiaan semakin mandul*  
pada penghujung musim.

**ZAM ISMAIL**

Antologi *Anak Laut*,  
Dewan Bahasa dan Pustaka

SULIT

7

1103/2

- (i) Berikan maksud *kemanusiaan semakin mandul*. [2 markah]
- (ii) Pada pendapat anda, mengapakah pengguna jalan raya bersikap tidak sopan ketika memandu? [3 markah]
- (iii) Huraikan **empat** unsur bahasa yang terdapat dalam sajak tersebut. [4 markah]

SULIT

8

## Soalan 3 : Pengetahuan dan K

[30 markah]

Jawab semua soa

(a) Tulis **satu** ayat bagi tiap-tiap kata majmuk di bawah ini. Anda faham akan maksud dan penggunaannya. Berikan imbuhan, menukarkan imbuhan atau mengasingkan peribahasa atau nama khas.

(i) balai raya

(ii) temu ramah

(iii) reka bentuk

(iv) deria rasa

(v) susun atur

(vi) segi empat panjang

(b) Baca ayat-ayat di bawah ini dengan teliti. Berikan kepada bentuk susunan songsang melalui pendepanan frasa adjektif sahaja dan pendepanan

(i) Murid tadika itu bermain-main dengan

(ii) Bayi itu menangis kerana kesejukan.

- (c) *Dalam petikan di bawah terdapat tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan penggunaan imbuhan. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada tiga kesalahan ejaan dan tiga kesalahan penggunaan imbuhan. Anda tidak perlu menyalin petikan itu semula.*

Mewujudkan institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) bertujuan membuka peluang kepada lebih banyak rakyat Malaysia melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi samada diperingkat kolej atau pun universiti. Hal ini demikian kerana jumlah institusi pengajian tinggi swam (IPTA) yang ada di negara ini tidak mampu menampung jumlah pelajar yang makin bertambah dari masa ke masa.

[6 markah]

- (d) *Dalam setiap ayat di bawah, terdapat satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Senaraikan dan betulkan kesalahan-kesalahan itu. Bagi setiap ayat, anda tidak boleh menyenaraikan lebih daripada satu kesalahan penggunaan kata atau istilah dan satu kesalahan tatabahasa. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.*

- (i) Oleh kerana hujan lebat, pihak penganjur terpaksa merehatkan konsert amal itu kerana khuatir renjatan elektrik akan berlaku.
- (ii) Setiap anggota kerajaan mesti bertugas dengan jujur dan dedikasi supaya menjaga nama baik jawatan masing-masing.
- (iii) Banyak anggota-anggota Kadet Remaja Sekolah menjalani perkhemahan di Kem Rimba Ilmu.

[6 markah]

- (e) *Bacu ayat-ayat di bawah dengan teliti dan kemudian nyatakan peribahasa atau kata-kata hikmat yang sesuai dengan ayat-ayat tersebut.*
- (i) Walaupun majlis itu telah selesai tetapi masih kedengaran rungutan tidak puas hati daripada sesetengah pihak tentang pelaksanaannya.
  - (ii) Semua warganegara asing yang datang ke Malaysia mestilah mematuhi undang-undang negara ini.
  - (iii) Cyntria berasa dirinya sangat kerdil kerana tiada sesiapa pun yang menghiraukannya di rumah itu.

[6 markah]

[Lihat sebelah  
SULIT

## Soalan 4 : Novel

[15 markah]

Jawab soalan-soalan di bawah berdasarkan novel-novel yang berikut:

- (i) Terminal Tiga karya Othman Puteh
  - (ii) Perlumbaan Kedua karya Marwilis Hj. Yusof
  - (iii) Di Hadapan Pulau karya A. Samad Said
  - (iv) Bukit Kepong karya Ismail Johari
  - (v) Konserto Terakhir karya Abdullah Hussain
  - (vi) Seteguh Karang karya Tuan Faridah Syed Abdullah
  - (vii) Julia karya Abu Hassan Morad
  - (viii) Putera Gunung Tahan karya Ishak Hj. Muhammad
- (a) Watak antagonis turut memainkan peranan penting dalam sesebuah novel.  
Berdasarkan sebuah novel yang anda pelajari, huraikan **dua** perwatakan watak antagonis tersebut. [7 markah]
- (b) Berdasarkan **dua** buah novel yang anda pelajari, huraikan **satu** peristiwa yang dapat dijadikan teladan dalam setiap novel tersebut. [8 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT